

# Awas sindiket ah long hantu buru mangsa di laman sosial



MOHD. LUTHFI (tengah) menunjukkan barang hasil rampasan daripada sindiket ah long pada sidang akhbar di IPK Kuala Lumpur semalam.

**KUALA LUMPUR** - Lima individu termasuk seorang wanita yang menawarkan pinjaman palsu menerusi laman sosial diberkas dalam serbuan di sebuah kondominium di Bukit Jalil di sini Selasa lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Mohd. Luthfi Ismail Abdullah berkata, berdasarkan laporan dan risikan pihaknya dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah Wangsa Maju, sepasukan polis menyerbu sebuah unit kondominium di Bukit Jalil pada pukul 1.15 pagi.

Menurut beliau, kesemua suspek berketurunan Cina termasuk seorang wanita ditahan di dalam unit kondominium yang mereka sewa dan dipercayai menjadi markas un-

tuk mencari mangsa.

“Sindiket tersebut dipercayai sudah aktif sejak Januari lalu dan modus operandi mereka mengiklankan tawaran memberi pinjaman mirip ah long di laman sosial seperti di Facebook,” kata beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, mana-mana mangsa yang terpedaya diarahkan oleh ahli sindiket itu supaya memasukkan wang sebanyak 10 peratus daripada jumlah permohonan pinjaman ke dalam satu akaun suspek kononnya sebagai kos pengurusan meluluskan pinjaman.

“Selepas wang pendahuluan dimasukkan, mangsa akan gagal menghubungi ahli sindiket untuk mendapat wang manakala duit 10 peratus yang dibayar hangus begitu sahaja,”

jelas beliau.

Katanya, sejak bergerak tahun ini, sindiket ah long hantu tersebut dipercayai sudah terlibat dengan 35 kes mem-babitkan kerugian sebanyak RM266,650.

“Mangsa-mangsa sindiket ini dari merata-merata negeri termasuk di luar Kuala Lumpur dan kebanyakan mereka merupakan warga tempatan berketurunan Cina,” katanya.

Mohd. Luthfi memberitahu, dalam serbuan di kondominium tersebut, polis merampas sebuah kereta Mercedes Benz, wang tunai berjumlah RM7,655, 14 buah telefon bimbit, lima keping kad pengeluaran wang automatik, 17 buku catatan pinjaman dan satu beg silang jenama Coach. Kesemua suspek direman empat hari.